




ISTIADAT MENGADAP
Paduka Seri Tuanku
Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus

Oleh

UNDANG LUAK REMBAU YANG KE-21
Y.M. DATO' LELA MAHARAJA
HAJI MUHAMAD SHARIF BIN OTHMAN

Di
Balai Rong Seri Istana Besar
Seri Menanti
Sabtu 27 Februari 1999
Bersamaan 1 Zulkaedah 1419



**PADUKA SERI PEMANGKU YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUNKU LAXAMANA TUNKU DATO' SERI UTAMA
NAQUIYUDDIN IBNI TUANKU JA'AFAR AL HAJ
DK., DKYR., SPNS., PPT.**



**PADUKA SERI TUNKU PUAN MUDA
TUNKU DATO' SERI NURULHAYATI BINTI TUNKU BAHADOR
SPTJ.**



**YANG MULIA DATO' LELA MAHARAJA
HAJI MUHAMAD SHARIF BIN OTHMAN
UNDANG LUAK REMBAU**



**YANG MULIA
TOK PUAN HAJAH SITI RAMALAH BINTI HAJI YUNUS**

BIODATA Y.M. DATO' UNDANG LUAK REMBAU KE-21

Dato' Lela Maharaja Haji Muhamad Sharif bin Othman Undang Luak Rembau Ke-21 telah dilahirkan pada 14.8.1941 di Kampung Waris Tebat, Chembong Kecil, Rembau. Anak yang ketiga daripada empat orang adik beradik dan adalah anak lelaki tunggal dari perkongsian hidup Puan Terinah bte Maarof dan Haji Othman bin Ibrahim.

Telah berumah tangga dengan Toh Puan Hajah Siti Ramalah binti Haji Yunus dan telah dikurniakan dengan 4 orang cahayamata yang kesemuanya lelaki. Tiga orang anak telah berkahwin dan memperolehi 4 orang cucu.

Y.M. telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sepri, Rembau dan meneruskan pelajarannya di Sekolah Rendah dan Menengah Undang Rembau.

Setelah tamat persekolahan Y.M. telah memulakan kerjayanya sebagai seorang kakitangan awam mulai 1.12.1960. Berkhidmat sebagai Juruteknik Awam di Jabatan Kerja Raya di Kuala Kubu Baharu, Rawang, Kuala-Selangor, Seremban dan Rembau. Jabatan terakhir perkhidmatan di Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan telah bersara awal pada 1991. Selepas bersara Y.M. telah dilantik sebagai Pengurus Projek Syarikat Seleksi (M) Sdn. Bhd., Fajar Baru (Rembau) Sdn. Bhd., Panaromic Sdn. Bhd., D.J. Water Sdn. Bhd., dan Syarikat Qalam Dinar.

Dalam aktiviti Politik Y.M. telah dipilih sebagai :-

1. Ketua Pemuda UMNO Cawangan Sepri.
2. AJK UMNO Cawangan Sepri.
3. Setiausaha UMNO Cawangan Sepri.
4. Setiausaha Penubuhan UMNO.
5. AJK Peti Undi Sepri.
6. Setiausaha Peti Undi Sepri.
7. Penceramah Pilihan Raya DUN Terentang/Chembong (tiap-tiap kali pilihanraya)
8. Perwakilan ke Persidangan UMNO Bahagian Seremban/Teluk Kemang.
9. Timbalan Ketua UMNO Cawangan Sepri.
10. Ahli Jawatankuasa JKKK Kampung Sepri.

Dalam Aktiviti Sosial Y.M. telah dipilih sebagai :-

1. Pengerusi Belia 4B Sepri
2. Naib Yang Dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan Sepri
3. Lembaga Pengarah Ko-Op. Pembangunan Daerah Rembau
4. AJK Desa Wawasan Kampung Sepri
5. AJK Homestay Kampung Sepri
6. AJK Permuafakatan Sekolah Bistari, Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja Chembong
7. Naib Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja Chembong
8. Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Unit Sepri
9. Setiausaha Tanah Pinggir Sg. Beringin Pedas (RISDA)
10. Setiausaha Masjid Ulu Sepri
11. Timbalan Yang Dipertua Khairat Kematian Kampung Sepri.

Sebelum dimasyurkan sebagai Undang Luak Rembau Ke-21 pada 21 November 1998 Y.M. adalah seorang Orang Besar Undang yang bergelar Dato' Sedia Lela Utama (Dato' Shahbandar) Waris Godang iaitu gelaran yang terkanan di antara empat orang 'Orang Besar Undang'. Y.M. adalah dari keturunan Lela Maharaja Suku Biduanda, Waris Nan Dua Carak (Perut Tebat) yang telah dibulatkan oleh kerapatan adat Buapak Delapan Kampung yang menentukan 'lubuk' nya untuk giliran Penyandang Pusaka Undang Luak Rembau.

**ISTIADAT MENGADAP
PADUKA SERI TUANKU YANG DI-PERTUAN BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
OLEH
Y.M. DATO' UNDANG LUAK REMBAU,
DATO' LELA MAHARAJA HAJI MOHAMAD SHARIF BIN OTHMAN**

HARI KHAMIS 25 FEBRUARI 1999

10.00 pagi * Raptai

HARI JUMAAT 26 FEBRUARI 1999

3.00 petang * Y.M. Dato' Undang Luak Rembau dengan rombongan tiba di Rumah Telapakannya di Kampung Bukit Seri Menanti.

4.30 petang * Dato' Akhirzaman dan Dato' Penghulu Dagang memberitahu Y.M. Dato' Undang Luak Rembau berkenaan masa dan cara Istiadat Mengadap.

5.00 petang * Istiadat menurun alat-alat kebesaran.

HARI SABTU 27 FEBRUARI 1999

9.30 pagi * Dato Senara Muda (Ulu Muar) bersama-sama Dato' Lela Raja (Jempol) tiba di Rumah Telapakan memberitahu pihak rombongan Y.M. Dato' Undang Luak Rembau bersiap sedia untuk bertolak ke Balai Rong Seri untuk Istiadat Mengadap.

10.00 pagi * Dato' Akhirzaman tiba di Rumah Telapakan mempersilakan Y.M. Dato' Undang Luak Rembau ke Balai Rong Seri Istana Besar untuk Istiadat Mengadap Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus.

10.30 pagi * Para Jemputan khas tiba di Balai Rong Seri mengambil tempat masing-masing.

10.45 pagi * Ketibaan Y.A.B. Menteri Besar, Negeri Sembilan serta Y.A.Bhg. Puan Seri Datin.

- 10.50 pagi * Y.M. Dato' Undang Luak Rembau, Dato'-Dato' Lembaganya serta juak-juaknya tiba di Istana Besar dan terus masuk ke Balai Rong Seri.
- 10.55 pagi * Orang Empat Istana mempersilakan Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tunku Puan Muda berangkat ke-Balai Rong Seri.
- 11.00 pagi * Keberangkatan tiba Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tunku Puan Muda ke Balai Rong Seri, Lagu Kebesaran Negeri dimainkan dan kemudian terus bersemayam di Singgahsana.
- * Dato' Bentara Kanan tampil menyeru Orang Empat Istana untuk Haluan Sembah.
- * Upacara menyembahkan adat istiadat Y.M. Undang Luak Rembau kepada Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar.
- * Dato' Bentara Kanan menyeru Y.M. Dato' Undang Luak Rembau tampil mengadap.
- * Majlis Mengadap dimulakan.
- * Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus melafazkan Titah Kejadian.
- * Y.M. Dato' Undang Luak Rembau menyembahkan taat setianya.
- * Dato' Bentara Kanan menyeru Sahibus Samahah Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus membaca Doa Selamat.
- * Orang Empat Istana mengadap Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar menyembah Istiadat Mengadap Menjunjung Duli bagi Y.M. Dato' Undang Luak Rembau tamat dengan sempurnanya.
- 12.10 tgh. * Pengumuman keberangkatan Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tunku Puan Muda.

- * Lagu Kebesaran Negeri.
- 12.15 tgh. * Pengumuman Y.M. Undang Luak Rembau, Y.M. Tok Puan, Dato'-Dato' Lembaga Luak Rembau dan Juak-juak meninggalkan Balai Rong Seri.
- 12.20 tgh. * Pengumuman Y.A.B. Menteri Besar dan Y.A.Bhg. Puan Sri meninggalkan Balai Rong Seri.
- 12.25 tgh. * Pengumuman ketibaan Y.A.B. Menteri Besar dan Y.A.Bhg. Puan Sri di Astaka untuk majlis makan tengah hari.
- 12.30 tgh. * Pengumuman ketibaan Y.M. Undang Luak Rembau dan Y.M. Tok Puan di Astaka untuk majlis makan tengah hari.
- 12.45 tgh. * Keberangkatan Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tunku Puan Muda ke Astaka kerana Majlis Santapan Diraja.
- * Lagu Kebesaran Negeri.
- * Majlis Santapan Diraja dimulakan.
- * Majlis Makan tengah hari.
- * Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan Tunku Puan Muda berangkat masuk ke Istana.
- * Lagu Kebesaran Negeri.
- * Majlis Bersurai.

**PERATURAN ISTIADAT MENGADAP MENJUNJUNG DULI
DI BALAI RONG SERI, ISTANA BESAR,
SERI MENANTI**

HARI SABTU 27 FEBRUARI 1999

- 9.30 pagi * Dato Senara Muda seorang dari Lembaga Empat Muar pergi ke Rumah Telapakan untuk memberitahu Dato'-Dato' Lembaga Rembau bersiap sedia kerana hendak mengadap.
- 9.45 pagi * Dato' Akhirzaman seorang dari Orang Empat Istana pergi ke Rumah Telapakan untuk mempersilakan Y.M. Dato' Undang Luak Rembau datang ke Istana.
- 10.00 pagi * Y.M. Dato' Undang Luak Rembau serta Dato'-Dato' Lembaga, Juak-juak dan Waris-waris tiba di luar kawasan Istana dan berarak masuk ke Istana serta terus ke Balai Rong Seri. Orang Empat Istana menyambut ketibaan dan mengiringi ke Balai Rong Seri.

SERI RAJA DI MUDA

- * Y.M. Dato' Undang Luak Rembau akan duduk di Seri Raja Di Muda dengan diapit oleh Orang Empat Istana di sebelah kanan dan kiri.
- * Dato'-Dato' Kepala Waris dan Dato'-Dato' Lembaga Rembau duduk di sebelah kanan dan kiri di hadapan Y.M. Dato' Undang Luak Rembau.
- * Pegawai Yang Enam, Apit Lempang dan Orang Besar Lingkungan Istana duduk di sebelah kanan dan kiri berdekatan dengan Singgahsana.
- * Orang Empat Istana mempersilakan Paduka Seri Tuanku Pemangku Yang di-Pertuan Besar dan Tunku Puan Muda berangkat ke Balai Rong Seri dan terus bersemayam di Singgahsana.
- * Orang Empat Istana mengadap untuk Haluan Sembah.
- * Orang Empat Istana menyembah adat istiadat Y.M. Undang Luak Rembau.

* Dato'-Dato' Bentara Kanan menyeru Y.M. Dato' Undang Luak Rembau untuk mengadap.

" Dato' Lela Maharaja titah memanggil bagi menyempurnakan Istiadat Kejadian Undang maka dampingilah Dato' mengadap menjunjung duli dan menjunjung titah ".

* Maka Y.M. Dato' Undang Luak Rembau bertelut dan menjunjung duli 3 kali dan Seri Raja Di Muda sambil menggerak sila lalu berjalan ke hadapan sambil menundukkan kepala serta duduk mengangkat tangan mengikut tertib mengadap yang dinamakan lalu tujuh kali. Apakala sampai di hadapan Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan lalu mengangkat tangan 3 kali. Kemudian mencium tangan Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar 3 kali. Tiap-tiap kali mencium itu hendak dituruti dengan mengangkat tangan. Selesai mencium tangan maka undurlah di tingkat yang kelima Singgahsana dan di situ hendaklah mengangkat tangan 3 kali.

* Paduka Seri Pemangku Yang di-Pertuan Besar melafazkan Titah Kejadian.

* Y.M. Dato' Undang Luak Rembau menyembahkan Ucapan Setia.

* Selesai menyembahkan ucapan, Y.M. Dato' Undang Luak Rembau pun undur dan mengambil tempatnya di hadapan jemputan-jemputan khas.

* Dato' Bentara Kanan menyeru Sahibus Samahah Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus membacakan doa.

* Orang Empat Istana tampil ke hadapan menyembahkan Istiadat Mengadap telah selamat disempurnakan.

* Dato' Bentara Kanan mengisytiharkan selesainya Istiadat.